

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI FARMASI**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA

| <b>Gred</b>     | <b>Jadual Gaji Minimum-Maksimum</b> |
|-----------------|-------------------------------------|
| <b>Gred U29</b> | : RM1312.00 - RM5173.00             |
| <b>Gred U32</b> | : RM2214.00 - RM5774.00             |
| <b>Gred U36</b> | : RM3455.00 - RM6885.00             |
| <b>Gred U38</b> | : RM4271.00 - RM7290.00             |
| <b>Gred U40</b> | : RM5023.00 - RM8306.00             |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (i) Diploma Pembantu Farmasi daripada Sekolah Latihan Pembantu Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29 : RM1687.59);  
atau
    - (ii) diploma dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29 : RM1687.59);
- dan (c) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- |   |             |    |   |
|---|-------------|----|---|
| <b>PENETAPAN PERMULAAN</b>                    | <b>GAJI</b> | 2. | Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.  |
| <b>TEMPOH PERCUBAAN</b>                       |             | 3. | Penolong Pegawai Farmasi Gred U29 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.   |
| <b>LATIHAN</b>                                |             | 4. | Penolong Pegawai Farmasi boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.  |
| <b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN</b> |             | 5. | Penolong Pegawai Farmasi Gred U29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.  |
| <b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>          |             | 6. | <p>Penolong Pegawai Farmasi Gred U29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-</p> <p>(a) memenuhi tempoh percubaan;</p> <p>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan</p> <p>(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p>                              |
| <b>PERGERAKAN TAHUNAN</b>                     | <b>GAJI</b> | 7. | Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.   |
| <b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32</b>           |             | 8. | <p>Penolong Pegawai Farmasi Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Farmasi Gred U32 yang kosong apabila telah :-</p> <p>(a) disahkan dalam perkhidmatan;</p> <p>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan</p> <p>(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> |
| <b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED U36</b>           |             | 9. | <p>Penolong Pegawai Farmasi Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Farmasi Gred U36 yang kosong apabila telah :-</p> <p>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan</p> <p>(b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p>                                 |

- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U38** 10. Penolong Pegawai Farmasi Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Farmasi Gred U38 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U40** 11. Penolong Pegawai Farmasi Gred U38 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Farmasi Gred U40 yang kosong apabila telah :-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEGAWAI FARMASI DAN PENGAJAR** 12. Penolong Pegawai Farmasi yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Farmasi Gred U41 dan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.